

10/03/1998

Majlis bersama hantar memorandum kepada PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan (MBKSAYD) dijangka menghantar satu lagi memorandum berkaitan tuntutan pelarasan gaji kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Memorandum kali ini meminta Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelarasan Gaji yang dipengerusikan Dr Mahathir melulus dan melaksanakan skim gaji baru, tetapi menanggung pembayaran tunggakan.

Presiden Kesatuan Kakitangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Zainal Abidin Baharom, berkata cadangan ini adalah wajar dan boleh diterima pihak kesatuan, berbanding penangguhan yang tidak diketahui tempohnya.

Menurutnya, usul itu akan dibincang dalam mesyuarat bersama majlis itu yang dijadualkan pada 21 Mac ini untuk persetujuan anggota kesatuan.

"Perkara ini sudah lama berlarutan, kita minta kerajaan laksana skim gaji baru bagi membantu kakitangan terbabit ketika kegawatan ekonomi," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi MBKSAYD, Mohd Noor Abdullah, semalam bahawa Perdana Menteri dalam surat jawapannya meminta 10,500 kakitangan terbabit bersabar berikutan penangguhan kelulusan tuntutan mereka.

(END)